



## **Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia**

**Hubungan antara Perancangan Strategik Sekolah dengan  
Pencapaian Murid di Sekolah Menengah Negeri Sarawak**

**Ha How Ping**

**Sarjana Sains  
2023**

**Hubungan antara Perancangan Strategik Sekolah dengan Pencapaian Murid di  
Sekolah Menengah Negeri Sarawak**

**Ha How Ping**

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains  
(Pembangunan Sumber Manusia)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2023

## **PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

*Ha How Ping*

---

### Tandatangan

Nama: Ha How Ping

No. Matrik: 20020098

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 26 September 2022

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada Tuhan kerana dengan keberkatan-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia Profesor Madya Dr. Abd Halim bin Busari dan Profesor Madya Dr. Zaimuariffudin Shukri bin Nordini atas semua bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis ini. Rakaman terima kasih diucapkan juga kepada pensyarah dan staf di UNIMAS yang sedia memberi bantuan dalam penghasilan kajian ini. Tidak lupa juga pihak KPM yang menaja perbelanjaan untuk penyelidikan ini. Selain itu, penghargaan yang tidak berbelah bahagi disampaikan kepada JPN Sarawak, PPD dan pengetua sekolah menengah negeri Sarawak atas kerjasama dan sokongan dalam proses pengutipan data.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan saya atas segala doa dan dorongan untuk saya meneruskan pengajian hingga penghujungnya. Akhir sekali, Saya doakan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak sepanjang proses penyelidikan ini diberkati oleh Tuhan. Sekian.

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap perancangan strategik dan pencapaian murid sekolah menengah kebangsaan di negeri Sarawak. Selain itu, kajian ini juga mengkaji hubungan dan pengaruh antara perancangan strategik dengan pencapaian murid. Pemboleh ubah perancangan strategik kajian ini berdasarkan tujuh fasa proses dalam model Hairuddin dan Muhammad Bustaman (2009) yang diamalkan di sekolah. Manakala pemboleh ubah pencapaian murid merujuk kepada kemenjadian murid berdasarkan indikator dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan kaedah tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik. Seramai 135 orang pengetua sekolah menengah kebangsaan dikenal pasti sebagai responden melalui pensampelan rawak strata. Data sampel sebanyak 130 diguna pakai dan diteruskan dengan analisis deskriptif dan inferensi melalui “IBM SPSS Statistics” versi 26. Dapatan kajian menunjukkan tahap perancangan strategik sekolah kajian adalah sangat tinggi ( $\text{min}=4.29$ ) dan tahap pencapaian murid keseluruhan adalah sangat tinggi ( $\text{min}=4.04$ ). Keputusan ujian korelasi telah mendapati perancangan strategik mempunyai hubungan yang sederhana kuat dan signifikan dengan pencapaian murid ( $r=.515$ ). Dapatan kajian juga menunjukkan setiap proses dalam perancangan strategik berkorelasi dengan pencapaian murid secara signifikan. Selain itu, keputusan ujian regresi berganda menunjukkan perancangan strategik mempengaruhi pencapaian murid sebanyak 31.6%. Sehubungan itu, para pentadbir di setiap peringkat pengurusan pendidikan harus memberi perhatian sewajarnya terhadap perancangan strategik untuk mencapai matlamat organisasi terutamanya dalam aspek peningkatan prestasi murid.

**Kata kunci:** Perancangan strategik, pencapaian murid, sekolah menengah kebangsaan

# ***The relationship between School Strategic Planning and Students' Achievements of National Secondary Schools in Sarawak***

## **ABSTRACT**

*This study aims to identify the level of school strategic planning practice and achievement of national secondary school students in the state of Sarawak. In addition, this study also examines the relationship and influence between strategic planning and students' achievement. The strategic planning variables of this study are based on the seven phases of the process in the model of Hairuddin and Muhammad Bustaman (2009). While the students' achievement variable refers to students' achievement based on indicators in the "Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2" (SKPMg2). This study is quantitative with a survey method that uses questionnaire instruments. A total of 135 National Secondary School principals were identified as respondents through stratified random sampling. The data of 130 samples was used and continued with descriptive and inferential analysis through IBM SPSS Statistics version 26. The findings of the study shows that the level of strategic planning of the study school is very high ( $mean=4.29$ ) and the level of overall students' achievement is high ( $mean=4.04$ ). The results of the correlation test have found that strategic planning has a moderately strong and significant relationship with students' achievement ( $r=.515$ ). The findings of the study also show that each process in strategic planning is significantly correlated with students' achievement. Besides, the results of the multiple regression test show that strategic planning affects students' achievement by 31.6% through the implementation process of pre-planning and determining the direction of the organization. Therefore, administrators at all levels of education management should appropriately prioritize strategic planning to achieve organizational goals, especially in the aspect of improving students' achievement.*

**Keywords:** *Strategic planning, student's achievement, national secondary school*

## **ISI KANDUNGAN**

	<b>Mukasurat</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Hipotesis	9
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.8 Definisi Konseptual dan Operasional	12
1.8.1 Pencapaian Murid	13

1.8.2	Perancangan strategik	15
1.9	Kepentingan Kajian	18
1.10	Batasan Kajian	21
1.11	Rumusan	23
<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>24</b>
2.1	Pengenalan	24
2.2	Pencapaian Murid	24
2.2.1	Konsep Pencapaian Organisasi	24
2.2.2	Konsep Pencapaian sekolah	27
2.2.3	Konsep Pencapaian Murid	29
2.2.4	Sorotan Karya Berkaitan Pencapaian Murid	30
2.2.5	Dimensi Pencapaian Murid Kajian	42
2.3	Perancangan Strategik	46
2.3.1	Definisi dan Konsep Perancangan Strategik	46
2.3.2	Perancangan Strategik dalam Organisasi	62
2.3.3	Teori Perancangan Strategik	67
2.3.4	Model Perancangan Strategik	72
2.3.5	Sorotan Karya Berkaitan Perancangan Strategik	85
2.3.6	Dimensi Perancangan Strategik Kajian	93
2.4	Hubungan Perancangan Strategik dengan Pencapaian Organisasi	103

2.5	Rumusan	116
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>117</b>
3.1	Pendahuluan	117
3.2	Reka Bentuk Kajian	119
3.3	Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian	123
3.3.1	Lokasi kajian	124
3.3.2	Populasi kajian	124
3.3.3	Sampel Kajian	126
3.4	Instrumen Kajian	130
3.4.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	131
3.4.2	Bahagian B: Pencapaian Murid	132
3.4.3	Bahagian C: Perancangan Strategik	133
3.5	Kesahan Instrumen Kajian	135
3.6	Kajian Rintis	139
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	141
3.8	Kaedah dan Proses Pengumpulan Data	142
3.9	Kaedah Analisis Data Kajian Sebenar	144
3.9.1	Analisis Deskriptif	145
3.9.2	Analisis Inferensi	148
3.10	Rumusan	150

<b>BAB 4 Dapatan Kajian</b>	<b>151</b>
4.1 Pengenalan	151
4.2 Penyemakan Data	151
4.3 Analisis Demografi	158
4.4 Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Pencapaian Murid	159
4.4.1 Analisis Pencapaian Akademik	159
4.4.2 Analisis Pencapaian Kokurikulum	160
4.4.3 Analisis Pencapaian Sahsiah	162
4.4.4 Rumusan Analisis Pencapaian Murid	163
4.5 Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Perancangan Strategik	164
4.5.1 Analisis Pelaksanaan Pra Perancangan	164
4.5.2 Analisis Penentuan Hala Tuju Organisasi	168
4.5.3 Analisis Persekutaran Dalaman dan Luaran	171
4.5.4 Analisis Penentuan Isu Strategik	173
4.5.5 Analisis Penggubalan Strategi	176
4.5.6 Analisis Pelaksanaan Strategi	178
4.5.7 Analisis Pemantauan, Penilaian dan Penambahbaikan Berterusan	181
4.5.8 Rumusan Analisis Perancangan Strategik	184
4.6 Analisis Korelasi antara Perancangan Strategik dengan Pencapaian Murid	186
4.6.1 Analisis Korelasi Pelaksanaan Pra Perancangan dengan Pencapaian Murid	187

4.6.2	Analisis Korelasi Penentuan Hala Tuju Organisasi dengan Pencapaian Murid	188
4.6.3	Analisis Korelasi Analisis Persekutaran Dalaman dan Luaran dengan Pencapaian Murid	189
4.6.4	Analisis Korelasi Penentuan Isu Strategik dengan Pencapaian Murid	189
4.6.5	Analisis Korelasi Penggubalan Strategi dengan Pencapaian Murid	190
4.6.6	Analisis Korelasi Pelaksanaan Strategi dengan Pencapaian Murid	191
4.6.7	Analisis Korelasi Pemantauan, Penilaian dan Penambahbaikan Berterusan dengan Pencapaian Murid	191
4.6.8	Rumusan Analisis Korelasi Perancangan Strategik dengan Pencapaian Murid	192
4.7	Analisis Regresi Berganda	194
4.7.1	Rumusan Analisis Regresi Berganda	197
4.8	Rumusan	197
<b>BAB 5</b>	<b>Perbincangan dan Cadangan</b>	<b>199</b>
5.1	Pengenalan	199
5.2	Ringkasan Kajian	199
5.3	Perbincangan	201
5.3.1	Tahap Pencapaian Murid Sekolah Menengah	201
5.3.2	Tahap Perancangan Strategik Sekolah Menengah	205
5.3.3	Hubungan antara Perancangan Strategik dengan Pencapaian Murid Sekolah Menengah	208

5.3.4 Pengaruh Perancangan strategik terhadap Pencapaian Murid Sekolah Menengah	225
5.4 Implikasi kajian	227
5.4.1 Implikasi Empirikal	228
5.4.2 Implikasi Teoritikal	228
5.4.3 Implikasi Praktikal	230
5.5 Cadangan Kajian akan Datang	233
5.6 Rumusan	235
<b>RUJUKAN</b>	<b>237</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>263</b>

## **SENARAI JADUAL**

### Mukasurat

Jadual 2.1: Perbezaan antara Perancangan Strategik dengan Perancangan Jangkaan	56
Jadual 2.2: Implikasi Teori terhadap Perancangan Strategik Sekolah	71
Jadual 2.3: Ringkasan Kajian Lepas terhadap Hubungan antara Perancangan Strategik dengan Pencapaian Organisasi	113
Jadual 3.1: Populasi Kajian	125
Jadual 3.2: Penentuan Saiz Sampel Sekolah Menengah Sarawak	128
Jadual 3.3: Dimensi dan Bilangan Item Pencapaian Murid	133
Jadual 3.4: Skala Pengukuran bagi Pencapaian Murid	133
Jadual 3.5: Dimensi dan Bilangan Item Perancangan Strategik	134
Jadual 3.6: Skala Likert Lima Mata bagi Item Perancangan Strategik	135
Jadual 3.7: Maklumat Pakar Kesahan	136
Jadual 3.8: Pemurnian Item Instrumen	137
Jadual 3.9: Nilai Pekali Alfa Cronbach bagi Dimensi Instrumen	142
Jadual 3.10: Petaan Objektif Kajian dan Kaedah Analisis Data	145
Jadual 3.11: Interpretasi Skor Min Pemboleh Ubah Kajian	148
Jadual 3.12: Taksiran Tahap Kekuatan Hubungan antara Pemboleh Ubah	149
Jadual 4.1: Keputusan Ujian Skewness dan Kurtosis	153
Jadual 4.2: Dapatan Ujian Lineariti antara Pemboleh Ubah Kajian	155
Jadual 4.3: Dapatan Ujian Multikolineariti	156
Jadual 4.4: Dapatan Ujian Glejser	157
Jadual 4.5: Analisis Autokolerasi dengan Durbin Watson	157
Jadual 4.6: Maklumat Demografi Kajian	159
Jadual 4.7: Kekerapan dan Peratus Pencapaian Akademik Murid	160
Jadual 4.8: Kekerapan dan Peratus Pencapaian Kelab/Persatuan Murid	161

Jadual 4.9: Kekerapan dan Peratus Pencapaian Badan Beruniform Murid	161
Jadual 4.10: Kekerapan dan Peratus Pencapaian Sukan/Permainan Murid	162
Jadual 4.11.: Kekerapan dan Peratus Pencapaian kehadiran Murid	163
Jadual 4.12: Min dan Sisihan Piawai Pencapaian Murid	164
Jadual 4.13: Analisis Item Pelaksanaan Pra Perancangan	164
Jadual 4.14: Analisis Item Penentuan Hala Tuju Organisasi	168
Jadual 4.15: Analisis Item Analisis Persekutaran Dalaman dan Luaran	171
Jadual 4.16: Analisis Item Penentuan Isu Strategik	173
Jadual 4.17: Analisis Item Penggubalan Strategi	176
Jadual 4.18: Analisis Item Pelaksanaan Strategi	178
Jadual 4.19: Analisis Item Pemantauan, Penilaian dan Penambahbaikan Berterusan	181
Jadual 4.20: Min dan Sisihan Piawai Perancangan Strategik	185
Jadual 4.21: Hubungan antara Perancangan Strategik dengan Pencapaian Murid	187
Jadual 4.22: Hubungan antara Pelaksanaan Pra Perancangan dengan Pencapaian Murid	188
Jadual 4.23: Hubungan antara Penentuan Hala Tuju Organisasi dengan Pencapaian Murid	188
Jadual 4.24: Hubungan antara Analisis Persekutaran Dalaman dan Luaran Dengan Pencapaian Murid	189
Jadual 4.25: Hubungan antara Penentuan Isu Strategik dengan Pencapaian Murid	190
Jadual 4.26: Hubungan antara Penggubalan Strategi dengan Pencapaian Murid	190
Jadual 4.27: Hubungan antara Pelaksanaan Strategi dengan Pencapaian Murid	191
Jadual 4.28: Hubungan antara Pemantauan, Penilaian dan Penambahbaikan Berterusan dengan Pencapaian Murid	192
Jadual 4.29: Rumusan Anlaisis Korelasi Perancangan Strategik dan Pencapaian Murid	193
Jadual 4.30: Pekali Bagi Peramal Model Regresi	195
Jadual 4.31: Analisis Anova	196

Jadual 4.32: Ringkasan Model Kajian	196
Jadual 4.33: Rumusan Analisi Regresi Berganda	197

## **SENARAI RAJAH**

### **Mukasurat**

Rajah 1.1: Keputusan SPM Negeri Sarawak dan Kebangsaan	8
Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian	12
Rajah 2.1: Model Perancangan Strategik Bryson	76
Rajah 2.2: Model Perancangan Strategik Hill dan Jones	78
Rajah 2.3: Model Perancangan Strategik Pembangunan Sekolah	83
Rajah 3.1: Perisian Bab Metodologi	118
Rajah 3.2: Prosedur Reka Bentuk Kajian	123
Rajah 3.3: Proses Pensampelan Rawak Strata	130
Rajah 3.4: Proses Pengumpulan Data Kajian	144

## **SENARAI SINGKATAN**

KPI	<i>Key Performance Indicators/Petunjuk Prestasi Utama</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBO	<i>Management by Objectives/Pengurusan Berasaskan Objektif</i>
PDCA	<i>Plan, Do, Check, Action/Rancang, Laksana, Semak, Tindakan</i>
PISA	<i>Programme for International Student Assessment</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Dua
SMART	<i>specific, measurable, achievable, relevant dan time bound/spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, relevan dan ada tempoh masa</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SWOT/C	<i>Strengths, Weaknesses, Opportunities, Trends/Challenges</i>

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab 1 membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian dan hipotesis kajian. Kemudian diteruskan dengan penjelasan kerangka konseptual dan definisi operasional kajian. Perbincangan bab ini diteruskan dengan menyatakan kepentingan kajian dan diakhiri dengan batasan kajian serta rumusan.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pencapaian murid merupakan keberhasilan organisasi sekolah daripada keberkesanan kepemimpinan, pengurusan, pembelajaran dan pemudahcaraan (JNJK, 2017). Pencapaian murid sering dinilai melalui akademik dan bukan akademik (Babineau, 2017) seperti skor akademik, ketidakhadiran dan penangguhan pelajaran (Clark et al., 2009), tingkah laku murid, pencapaian prestasi dan penyertaan murid dalam bidang akademik dan bukan akademik (Education Bureau, 2016). Dalam konteks pendidikan Malaysia, pencapaian murid diukur dalam aspek akademik, kurikulum dan sahsiah (JNJK, 2017). Berdasarkan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Dua (SKPMg2) yang digubal khas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengukur tahap kualiti organisasi pendidikan telah merangkumi ketiga-tiga aspek dalam pencapaian murid. Ketiga-tiga aspek ini penting sebagai suatu penanda pencapaian murid mengikut kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia iaitu mewujudkan insan yang seimbang dan menyeluruh dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani.

Banyak kajian telah dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian murid. Berdasarkan sorotan literatur, pelbagai aspek yang mempengaruhi pencapaian murid telah dikaji.

Antaranya, kepimpinan (Ahmad & Boon, 2011; Ekosiswoyo, 2016; Faezah et al., 2018; Saat & Zain, 2016), kualiti guru (Juliana et al., 2020; Mohd et al., 2017; Ng et al., 2020; Norashikin et al., 2015; Wan Roslina, 2011) pengaruh ibu bapa dan latar belakang murid (Leh Seng, 2017; Mahamud, 2017) serta faktor murid sendiri (Maalip et al., 2020; Naliza et al., 2020; Yusoff & Azman, 2018). Adalah didapati segelintir penyelidik cuba mengaitkan pencapaian murid dengan perancangan strategik (Musyafiudin, 2018; Sujoko, 2017; Susilo, 2016). Walaupun skop perancangan strategik tersebut adalah sempit dan bukan fokus utama dalam kajian tetapi telah memberi perhatian kepada penyelidik bahawa aspek perancangan strategik sekolah mungkin berhubung kait dan mempengaruhi pencapaian murid.

Perancangan strategik merupakan rangka kerja jangka panjang yang mampu memandu organisasi mencapai hala tuju melalui strategi tertentu bagi perkara yang betul-betul penting dalam sesebuah organisasi (Bryson, 2011). Perancangan ini dipercayai dapat memperkasakan organisasi sekolah bagi mengatasi masalah sekolah (Stein & Wolhuter, 2010), merealisasikan matlamat dan objektif sekolah (Mohd. Dom, 2006) dan menghadapi perubahan serta meningkatkan prestasi pencapaian (Fullan, 2007). Selaras dengan tinjauan penyelidikan lepas, pencapaian organisasi berkait rapat dengan perancangan strategik (Gading, 2019; Ida Sosiawani et al., 2015; Walker & George, 2019). Dengan kata lain, perancangan strategik yang diamalkan di sekolah memainkan peranan yang penting untuk dalam peningkatan dan pencapaian murid.

Perancangan strategik dilaksanakan secara meluas di sektor awam Malaysia dengan adanya pensijilan *International Organization for Standardization*, ISO pada tahun 2005 (Mohamed et al., 2014). Pelaksanaan perancangan strategik telah diterapkan dalam organisasi sekolah dan menjadi kewajipan dengan adanya instrumen Standard Kualiti

Pendidikan Malaysia pada tahun 2010 (Kasan et al., 2013). Bakal pengetua sekolah pula diberi latihan pengurusan perancangan strategik di bawah program Kelayakan Profesional Kebangsaan Kepimpinan Pendidikan (NPQEL) (Kamaruzaman et al., 2013). Berdasarkan program NPQEL (IAB, 2021), amalan pengurusan strategi adalah ilmu yang wajib bagi mereka yang ingin menjadi pemimpin sekolah yang berjaya. Walau bagaimanapun, pencapaian organisasi yang berkesan dan cekap hanya dapat dilakukan dengan adanya perancangan strategik yang mantap (Ropianto et al., 2017). Oleh itu, kajian ini memberi fokus untuk mengkaji tahap perancangan strategik yang diamalkan serta pencapaian murid dalam organisasi sekolah. Seterusnya, mengenal pasti hubungan dan pengaruh perancangan strategik terhadap pencapaian murid.

Perancangan strategik sekolah adalah pemboleh ubah tidak bersandar dan pencapaian murid ialah pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Bagi pemboleh ubah perancangan strategik, kebanyakan penyelidik lepas menggunakan formaliti perancangan strategik (Echcharqy & Hassan, 2016; Ifedioranma et al., 2020; Maleka, 2020; Zen, 2016; Sosiawani, 2017). Dalam kajian ini, dimensi untuk pemboleh ubah perancangan strategik juga berkaitan dengan formalitinya tetapi merangkumi proses perancangan strategik yang lebih menyeluruh dan bersistematis. Dimensi perancangan strategik sekolah bermula dengan proses pelaksanaan pra perancangan dan diikuti dengan penentuan hala tuju organisasi, analisis persekitaran dalaman dan luaran, penentuan isu strategik, penggubalan strategi, pelaksanaan strategi dan diakhiri dengan pemantauan, penilaian dan penambahbaikan berterusan. Dimensi perancangan strategik yang dipilih adalah berdasarkan model perancangan strategik Hairuddin dan Muhammad Bustaman (2009) dan juga menepati definisi Pasha et al. (2015) yang menyatakan perancangan strategik formal adalah pembentukan strategik yang rasional dan komprehensif melalui proses sistematik dan langkah-langkah tertentu.

Menurut Bryson dan Edwards (2017), kebanyakan kajian perancangan strategik sektor awam memfokuskan kepada hasil prestasi, terutamanya pencapaian sasaran, kecekapan, dan keberkesanan. Untuk kajian ini, dimensi untuk pemboleh ubah pencapaian murid ialah keberkesanan organisasi sekolah dalam aspek akademik, kurikulum dan sahsiah murid. Ketiga-tiga dimensi tersebut adalah berdasarkan kemenjadian murid yang dinilai dalam instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Dua (SKPMg2).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pernyataan masalah bagi kajian ini adalah berdasarkan beberapa jurang teori, empirikal, dan praktikal melalui sorotan literatur mengenai perancangan strategik dan pencapaian murid. Walaupun terdapat penyelidikan berkaitan telah dilakukan dari pelbagai perspektif tetapi masih mempunyai jurang untuk dirapatkan. Antaranya,

#### i. Jurang Teori

Walaupun kajian berkaitan perancangan strategik menjadi topik popular dalam bidang pengurusan, tetapi masih ada keperluan dalam kajian berkenaan perancangan strategik dan hubungannya dengan pelaksanaan dan pencapaian di sektor awam (Bryson et al., 2018). Tambahan pula, masih kekurangan kajian yang menjadikan proses perancangan strategik sebagai dimensi untuk pemboleh ubah perancangan strategik (Wijetunge & Pushpakumari, 2014). Walaupun banyak kajian perancangan strategik terdahulu melibatkan penggubalan, pelaksanaan, penilaian dan kawalan strategi tetapi jarang melibatkan satu siri proses perancangan strategik yang sistematik dan kesinambungan dari fasa pra perancangan hingga fasa penambahbaikan strategi. Ini bermakna hasil dapatan bagi kajian terdahulu yang mengaitkan proses perancangan strategik dengan pencapaian organisasi belum dapat menghasilkan hubungan dua pemboleh ubah tersebut dengan komprehensif daripada

pandangan penyelidik. Dengan itu, kajian ini akan menentukan hubungan antara setiap proses perancangan strategik dengan pencapaian murid supaya menutup sedikit jurang dalam penyelidikan lepas.

Di samping itu, penemuan kajian terdahulu yang kurang konsisten bagi hubungan perancangan strategik dengan pencapaian organisasi (Wolf & Floyd, 2017) juga mendorong penyelidik menjalankan kajian ini. Sebagai contoh, kajian O'Regan et al. (2007), Suklev dan Debarliev (2012), Salleh (2014), Wijetunge dan Pushpakumari (2014), Zen (2016), Echcharqy dan Hassan (2016), Gaturu et al. (2017), Kariuki et al. (2017), Sosiawani (2017), Alosani et al. (2019), Ifedioranma et al. (2020), Damary et al. (2020) dan Alharafsheh et al. (2021) telah mendapati perancangan strategik mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan pencapaian organisasi. Meta analisis yang dilakukan oleh George et al. (2019) terhadap 31 kajian pula menyimpulkan perancangan strategik mempunyai hubungan positif yang sederhana dengan pencapaian organisasi. Manakala ada kajian yang menemui hanya sebahagian dimensi dalam perancangan strategik wujud hubungan dengan pencapaian organisasi (Echcharqy & Hassan, 2016; Kraus et al., 2006). Sementara itu, ada hasil kajian yang membuktikan perancangan strategik tidak menyumbang kepada pencapaian organisasi (Gică & Negruşă, 2011; Yusuf & Saffu, 2005). Kajian Ali (2016) pula mendapati hanya 8 daripada 15 kajian lepas mengesahkan hubungan positif antara perancangan strategik dan pencapaian organisasi. Keadaan ini menunjukkan bahawa hubungan antara perancangan strategik dan pencapaian organisasi masih kurang konsisten dan memerlukan kajian tambahan. Justeru, terbuka jurang untuk penyelidik mendalamai fenomena hubungan perancangan strategik dengan pencapaian di organisasi pendidikan dengan memberi tumpuan kepada pencapaian murid.

## ii. Jurang Empirikal

Perancangan strategik yang dipercayai oleh para sarjana sebagai alat peningkatan pencapaian organisasi (Bryson, 2011; Pindur, 1992; Thompson et al., 2015) jarang diterokai dengan lanjut di organisasi sekolah dalam konteks Malaysia. Didapati bahawa bidang ilmu berkaitan strategi dianggap masih baru dan belum dikembangkan selanjutnya dalam sektor pendidikan (Carvalho et al., 2021; Hairuddin Mohd Ali, 2012; Yaakob et al., 2019). Walaupun ada kajian yang berkaitan dilakukan di luar negara (Alharafsheh et al., 2021; Damary et al., 2020; Kariuki et al., 2017). Namun begitu, hasil kajian mereka mungkin berbeza mengikut sistem pendidikan dan lokasi yang berlainan. Hasil literatur Umar et al. (2020) juga mendapati bahawa karya penyelidikan adalah terhad mengenai perancangan strategik di sektor awam bagi negara membangun. Apabila mencari sumber elektronik berkaitan dan pangkalan data atas talian seperti Emerald, Elsevier, ProQuest, Google Scholar dan perpustakaan universiti tempatan Malaysia, terbukti bahawa kajian berkaitan hubungan langsung antara pemboleh ubah perancangan strategik dengan pencapaian murid adalah terhad. Malahan boleh dikatakan belum ada kajian tempatan tersebut yang melibatkan organisasi sekolah terutamanya sekolah menengah di negeri Sarawak berdasarkan tinjauan penyelidik. Oleh itu, kajian ini diperlukan untuk mengisi sedikit lompong penyelidikan dalam aspek ini lalu memperkayakan penyelidikan dengan menentukan hubungan perancangan strategik dan pengaruhnya terhadap pencapaian murid di sekolah menengah.

Sementara itu, Ishak (2020) dalam kajiannya tentang amalan perancangan strategik dan hubungannya dengan amalan membuat keputusan pentadbir sekolah menengah di zon Shah Alam telah mencadangkan agar penyelidik akan datang boleh memperluaskan skop penyelidikan perancangan strategik ke zon, daerah dan negeri lain. Beliau juga